

KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

**ULASAN PENERUSI EAIC BERKENAAN
KENYATAAN YAB PERDANA MENTERI DI
MAJLIS AMANAT YAB PERDANA MENTERI BERSAMA
KETUA-KETUA JABATAN/AGENCI PENGUATKUASAAN**

UNTUK SIARAN SEGERA
29 JANUARI 2026

EAIC menyokong sepenuhnya ketegasan yang disuarakan oleh YAB Perdana Menteri dan memandang serius peringatan tersebut.

Teguran ini adalah sejajar dengan pemantauan dan siasatan EAIC terhadap salah laku, termasuk penyalahgunaan kuasa serta kelemahan dalam ekosistem tadbir urus integriti perkhidmatan awam, khususnya agensi penguatkuasaan.

Sehubungan itu, **EAIC menekankan syor-syor hukuman tatatertib yang dikemukakan oleh Suruhanjaya ini, termasuk cadangan penambahbaikan sistem serta mekanisme prosedur dalaman, hendaklah diberi perhatian serius dan dipatuhi sepenuhnya. EAIC akan turut merujuk semula kes-kes tatatertib yang tidak atau belum diambil tindakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) berkenaan dan akan dipanjangkan kepada ketua perkhidmatan yang berkenaan untuk diambil tindakan segera.** Tindakan tegas dan pematuhan oleh ketua-ketua jabatan merupakan kunci utama dalam memperkukuh integriti penguatkuasaan serta memulihkan kepercayaan rakyat terhadap institusi negara.

Penyeludupan, rasuah dan kegiatan gelap bukan sahaja menjejaskan kredibiliti agensi, tetapi juga merupakan pengkhianatan terhadap kepentingan rakyat dan negara dan tidak boleh diterima atau dinormalisasikan dalam apa jua keadaan.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA